

Negeri Sembilan negeri terbaru dilanda banjir

Kuala Lumpur: Hujan lebat berterusan sejak petang kelmarin menyebabkan banjir kembali buruk di Johor dan Melaka semalam.

Sementara itu, Negeri Sembilan negeri terbaru dilanda banjir manakala keadaan semakin baik di Selangor dan Perak.

Sebanyak 34 mangsa dari sembilan keluarga di Kampung Keru Hilir, Tampin dipindahkan ke sebuah pusat pemindahan di Tampin selepas rumah mereka ditenggelami air hampir satu meter malam kelmarin.

Laporan portal Banjir Majlis Keselamatan Negara berkata di Johor, jumlah mangsa banjir meningkat kepada 1,095 orang semalam berbanding 767 kelmarin.

Malah empat lagi pusat pemindahan dibuka di Johor iaitu masing-masing dua di Johor Baharu dan Kulai Jaya selain enam di Batu Pahat dan satu di Ledang.

Di **MELAKA**, bilangan mangsa meningkat kepada 134 orang berbanding 61 orang semalam namun hanya satu pusat pemindahan dibuka di negeri itu iaitu di Jasin.

Di Selangor, jumlah mangsa banjir menurun kepada 983 orang pagi semalam berbanding 1,012 kelmarin dengan empat pusat pemindahan masih dibuka iaitu di Kuala Langat manakala semua tiga pusat pemindahan di Dengkil ditutup.